

## Agribazaar platform niaga online

Oleh ASHRIQ FAHMY AHMAD  
[ashriq.ahmad@utusan.com.my](mailto:ashriq.ahmad@utusan.com.my)



*Muka depan bagi laman web AgriBazaar yang menarik, ia juga turut disertakan ikon-ikon ringkas bagi memudahkan pengguna melayarinya.*

SEJAJAR dengan perkembangan teknologi Internet tanpa sempadan, kini semua aktiviti harian boleh dilaksanakan hanya menggunakan hujung jari.

Tekan sahaja papan kekunci semua urusan dapat diselesaikan dengan mudah dan pantas.

Begitu juga dengan dunia pertanian masa kini yang tidak lagi perlu bergantung kepada orang tengah untuk memasarkan produk.

Menyedari hakikat tersebut, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bersama Mimos Berhad telah menyediakan infrastruktur berasaskan Internet untuk memudahkan pengeluar dan pembekal mempromosi dan memperdagangkan hasil pertanian mereka.

Dikenali sebagai *AgriBazaar*, ia diwujudkan bagi menyediakan infrastruktur Internet dan landasan untuk pembeli dan penjual mengumpul serta melakukan transaksi perniagaan mereka dengan lebih pantas.

Malah, melalui sistem *online* itu, penjual dan pembeli akan dihubungkan secara terus tanpa melibatkan orang tengah sekali gus dapat menghapuskan kos yang biasa dikenakan oleh mereka dan produk pertanian dapat dijual pada harga yang lebih rendah.

Kewujudan landasan tersebut pastinya memberi impak yang besar kepada industri pertanian kerana ia membolehkan peruncit, pemborong, pengumpul, pengedar, petani, pengeksport dan pengimport dapat berinteraksi antara satu sama lain.

Selain itu, pengguna juga boleh merancang usahasama baru menerusi portal ini ditambah pula pendaftaran bagi menyertai portal ini adalah percuma.

AgriBazaar juga mengintegrasikan proses urus niaga online yang lengkap dan bersepadu, bermula dari proses pembelian hingga ke proses pembayaran.

Pada masa akan datang, perkhidmatan logistik juga akan disepadukan melalui *AgriBazaar* bagi menjamin produk yang dibeli dapat dihantar dengan selamat dan cepat.

Di samping itu, portal *Online* itu juga menyediakan maklumat dan hebahkan bagi belian, jualan dan lain-lain aktiviti produk pertanian kepada bakal pembeli dan penjual terhadap produk terbabit.

Dalam pada itu, reka bentuk *AgriBazaar* adalah perantara yang memiliki struktur data dan maklumat lebih teratur.

Kelancaran penggunaan *AgriBazaar* boleh disesuaikan dengan kemampuan sistem komputer dan rangkaian Internet pengguna.

Ia berikutan portal tersebut menawarkan pilihan pengantara grafik rendah yang lebih sesuai untuk pengguna yang menggunakan komputer pada spesifikasi rendah atau perkhidmatan Internet *dial-up*.

Papan yang memaparkan maklumat asas pula memudahkan pengurusan urus niaga bagi pembeli dan juga penjual.

Pengguna juga boleh menggunakan perkhidmatan Troli Belian untuk menguruskan pembelian produk sebelum meneruskan dengan pembayaran.

Pembantu Maya dan Ikon Navigasi juga membantu memudahkan pengguna melayari portal ini.

Portal *AgriBazaar* itu juga dilengkapi dengan ciri-ciri *online* yang memudahkan pengurusan stok dan inventori, pengurusan pengguna, pemberitahuan berita terkini tentang produk.

Malah, ia turut memaparkan aktiviti-aktiviti daripada semua pemain industri pertanian seperti agensi kerajaan atau pihak pembekal.

Terakhir, ruangan Forum dan Mesej Peribadi yang terdapat di dalam portal ini juga membolehkan para pengguna berbincang serta berkongsi maklumat, idea dan pendapat.

Untuk maklumat lanjut serta ingin melihat sendiri portal *AgriBazaar*, anda boleh layari laman web tersebut di [www.agribazaar.com.my](http://www.agribazaar.com.my).

SUMBER: [Utusan Online](#)